

Wujud sistem kekayaan sejagat: Mahathir

GEORGETOWN, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak setiap negara mewujudkan satu sistem kekayaan bersama sejagat, berasaskan kepada prinsip kemakmuran kerjasama.

Sambil menyifatkan usaha itu sebagai langkah pertama dalam sejarah kemanusiaan selepas berakhirnya Perang Dingin, beliau berkata ini adalah peluang untuk membentuk satu sistem ekonomi dunia yang tunggal.

"Ia perlu untuk memastikan kemakmuran dinikmati oleh semua orang. Kita perlu menen-

tukan bahawa kita dapat mewujudkan kekayaan bersama sejagat," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar pada 'Dialog Pasifik' di sini, hari ini.

Menurutnya sistem itu adalah perjuangan baru yang mana semua negara yang diwakili dalam dialog ini perlu menyertainya.

Dr Mahathir berkata peluang untuk mewujudkan sistem ekonomi dunia yang tunggal tidak dapat dielakkan dengan peralihan masa dan pengaruh sejagat.

Beliau menjelaskan, usaha itulah yang sedang dilakukan oleh Asean. Ia akan diperluas-

kan ke rantau Asia Tenggara keseluruhannya.

Bagaimanapun, beliau berkata perkara itu tidak difikirkan oleh kebanyakan ahli ekonomi di Asia Timur kerana mereka lebih kasih kepada diri sendiri daripada jiran atau rantau ini.

"Cuba bayangkan apa kesannya jika semua ahli ekonomi dalam planet ini mempunyai arah seperti ini dan secara aktif meneruskan dasar itu," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, pada masa kini kebanyakan daripada ahli ekonomi Asia Timur dianggap sebagai 'hyper-

bolic' dan sering dibandingkan sebagai binatang yang bengis dan menakutkan.

'Domino rantau ini sekarang dilihat pula sebagai dinamo. Sesungguhnya, revolusi ekonomi dalam bahagian tertentu sudah mengambil tempat.

"Kita tidak boleh menjadi angkuh. Saya selalu percaya bahawa maruah dan harga diri tiba sebelum saat kejatuhan. Kita mesti berpegang teguh kepada sifat rendah diri orang Asia," katanya.

Perdana Menteri juga berka-

LIHAT MUKA 2

Perdana Menteri minta wujud kekayaan sejagat

DARI MUKA 1

ta, Asia perlu mengekalkan iltizamnya untuk membuka ke arah kerantauan seperti yang dilihat di Asia Timur sejak dua dekad lalu apabila hari ini ia lebih dinamik dan kompetitif.

"Pada 1992, rantau ekonomi Asia Timur mengambil alih rantau ekonomi Eropah Barat dan Amerika dari segi persamaan kuasa membeli. Dari segi kadar pertukaran dolar Amerika, ia tidak akan berlaku sehingga tahun 2000 atau selepasnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, berikutan pelaburan yang meningkat, perdagangan antara negara Asia Timur pada 1990-an meningkat kepada kadar 20 peratus setahun.

"Dengan perdagangan antara Asia Timur mencatat pada kadar 43 peratus, rantau ekonomi Asia Timur lebih bersepadu berbanding Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta).

"Tidak seperti Eropah atau Nafta, integrasi rantau kita yang terus meningkat adalah berdasarkan kepada pembabitatan sektor swasta," katanya.

Menurutnya, Kesatuan Eropah dan Bank Dunia menyebut bahawa menjelang tahun 2000, yang hanya 61 bulan lagi, kira-kira 400 juta penduduk Asia Timur akan mempunyai pendapatan perkapita yang sama dengan penduduk Amerika Utara dan Eropah Barat.

"Dalam perkataan lain, lebih banyak pengguna Asia Timur yang mempunyai kuasa membeli yang tinggi, berbanding pengguna Amerika Utara dan Eropah Barat.

"Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pula berkata di antara sekarang dan tahun 2000, jumlah keluaran negara kasar (KNG) dunia akan meningkat kepada RM18.75 trilion.

"Lebih separuh daripada peningkatan itu akan dihasilkan di Asia Timur," katanya.